

## SOP jelas, dipercayai dalam tempoh endemik

Oleh Mohd Zaky Zainuddin - Oktober 4, 2021 @ 11:27am  
zaky@bh.com.my



Malaysia akan memiliki SOP yang jelas dan dipercayai dalam tempoh endemik. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Malaysia akan memiliki prosedur operasi standard (SOP) yang jelas dan dipercayai dalam tempoh endemik, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, SOP baharu itu akan membolehkan rakyat Malaysia kembali semula kepada kehidupan sosial dan aktiviti ekonomi beroperasi semula, meskipun bukannya berasaskan kehidupan normal sebelum COVID-19.

"Semakin banyak negara menyedari bahawa dunia akan beralih daripada menangani virus sebagai pandemik dan menguruskannya sebagai realiti endemik.

"Kita pasti enggan membenarkan virus mendominasi dan mengganggu kehidupan kita dan masyarakat. Justeru, rakyat perlu bersedia menerima hakikat bahawa kita tidak dapat lagi kembali ke kehidupan 'normal' masa lalu.

"Kita perlu menentukan apakah yang perlu dilakukan dalam senario endemik dan kerajaan akan melaksanakan dasar yang mendorong sikap serta tingkah laku yang diperlukan dalam senario ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan aluan pada Forum Khazanah Megatrends 2021 'The Invention of Tomorrow:Crafting Our New Collective Narrative' secara maya hari ini.

Ismail Sabri yang juga Pengurus Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) berkata, kerajaan sentiasa mengkaji semula langkah yang telah dilaksanakan dalam pelbagai aspek termasuk berkaitan SOP berdasarkan perkembangan semasa COVID-19 di Malaysia.

"Kerajaan tidak takut untuk melaksanakan tindakan berani dan sukar dalam pelaksanaan SOP, langkah kawalan pergerakan, pengasingan kendiri dan kuarantin mandatori untuk kepentingan rakyat," katanya.